



*Ruj. Tuan :*

*Ruj. Kami :* (1) dlm. PAR. 3/398 Jld.5

7 Januari 2022

**Yang Berhormat  
Ahli-Ahli Dewan Rakyat**

Yang Berhormat,

### **PEMBERITAHU MESYUARAT KHAS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri bahawa bagi faedah orang ramai adalah mustahak Majlis mengadakan satu Mesyuarat Khas sebelum tarikh mesyuarat akan datang yang telah ditetapkan mengikut Peraturan Mesyuarat 11(3) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
3. Oleh yang demikian, saya dengan ini memberi pemberitahu kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa Mesyuarat Khas Dewan Rakyat akan diadakan pada **Khamis, 20 Januari 2022** pukul **10.00 pagi** di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.
4. Urusan-urusan mesyuarat yang telah ditetapkan oleh YAB Perdana Menteri adalah penerangan daripada Menteri-Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat berhubung dengan pengurusan pra dan pasca banjir, penyelarasan bantuan kepada rakyat dan perancangan jangka panjang bencana banjir.

5. Menyadari kepentingan isu yang akan dibawa pada Mesyuarat Khas yang akan diadakan dan untuk membolehkan isu tersebut diperhalusi dengan sebaiknya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga telah memutuskan untuk membenarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk meminta penjelasan dan memberikan pandangan semasa penerangan dibuat seperti di perenggan 4.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DR. NIZAM MYDIN BIN BACHA MYDIN**  
Setiausaha Dewan Rakyat

s.k : **YB Tan Sri Azhar Azizan Harun**  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat